



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
No. 8

**19hb April 2012**

*TAMBAHAN No. 11  
PERUNDANGAN*

---

---

**Sel. P.U. 43.**

**ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999**

**PERATURAN-PERATURAN KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN  
PENCEMAR (NEGERI SELANGOR) 2012**

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
PERLINDUNGAN SUMBER AIR**

3. Kawalan pencemaran

**BAHAGIAN III**

**SYARAT KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN PENCEMAR KE  
DALAM MANA-MANA SUMBER AIR**

4. Had piawai bagi parameter bahan pencemar yang dimasukkan atau dilepaskan ke dalam mana-mana sumber air
5. Caj

BAHAGIAN IV

PELESENAN KEMASUKAN DAN PELEPASAN BAHAN PENCEMAR

Peraturan

6. Lesen untuk memasukkan atau melepaskan bahan pencemar
7. Syarat kelulusan
8. Pengecualian daripada pelesenan
9. Langkah pengurangan jika berlaku pencemaran akut
10. Pelepasan sisa unggas
11. Pencairan bahan pencemar
12. Tumpahan, kemasukan atau pelepasan secara tak sengaja
13. Peruntukan untuk pemeriksaan
14. Pemunya premis atau tanah hendaklah memberi bantuan semasa pemeriksaan

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

15. Penyitaan
16. Pelucuthakkan
17. Pelucuthakkan jika ada pendakwaan
18. Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan
19. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
20. Kuasa mengalih dan melupus

BAHAGIAN VI

PENDAKWAAN

21. Pendakwaan
22. Penalti am
23. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VII

AM

24. Keterangan
25. Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain

Peraturan

26. Peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

## ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN PENCEMAR  
(NEGERI SELANGOR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127 dan 79 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama**

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“aktiviti berjadual” ertinya apa-apa aktiviti yang menghasilkan bahan pencemar seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama atau apa-apa aktiviti lain yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999;

“kerja tanah” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] dan hendaklah terhad kepada kerja-kerja di dalam jarak 50 meter daripada mana-mana sumber air dan yang tidak tertakluk di bawah skop kawalseliaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“lesen” ertinya Lesen Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar yang dikeluarkan di bawah subperenggan 59(1)(b) Enakmen dan di bawah Bahagian IV Peraturan-Peraturan ini.

“parameter” ertinya mana-mana faktor yang ditunjukkan dalam Ruang (2) Jadual Kedua atau mana-mana faktor lain yang ditetapkan oleh Lembaga mengikut Enakmen;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya Pengarah dan mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa sewajarnya oleh Pengarah;

“pembangunan” ertinya menjalankan apa-apa kerja, bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain seumpamanya pada, di dalam atau di atas kawasan di dalam jarak 50 meter dari mana-mana sumber air dan yang tidak tertakluk di bawah skop kawal selia Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dan “membangunkan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan termasuk mana-mana orang atau premis yang menjalankan kawalan terhadap kemasukan atau pelepasan bahan pencemar ke dalam mana-mana sumber air;

“pemunya” termasuklah—

- (a) berhubung dengan mana-mana premis, ertinya—
  - (i) tuan punya yang sah sesuatu premis itu;
  - (ii) penerima pajak suatu pajakan termasuk pajakan kecil premis itu, sama ada berdaftar atau sebaliknya;
  - (iii) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii) takrifan ini atau jika pemunya sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii) tidak boleh dikesan atau telah mati, wakil dirinya yang sah; atau
  - (iv) orang yang buat sementara waktu menerima sewa premis itu sama ada atas akaunnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima jika premis itu disewakan kepada penyewa;
- (b) pemunya sah hak milik tanah yang bersebelahan dengan sumber air; dan
- (c) orang yang berdaftar atau pemilik sesuatu vesel;

“perladangan unggas” termasuklah melakukan mana-mana satu atau lebih aktiviti yang berikut:

- (a) menternak unggas pedaging;
- (b) menternak unggas penelur;
- (c) menternak dan membiak baka unggas;
- (d) mengendalikan tempat penetasan; dan
- (e) menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan unggas;

“unggas” termasuklah ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka atau generasi dan burung lain yang ditentukan di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2008 [*Sel. En. No. 3/2008*]

## BAHAGIAN II

### PERLINDUNGAN SUMBER AIR

#### **Kawalan pencemaran**

- 3. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan kemasukan atau melepaskan—
  - (a) apa-apa bahan pencemar ke dalam mana-mana sumber air; atau

- (b) apa-apa bahan pencemar ke atas atau ke dalam tanah dalam keadaan yang mungkin menyebabkan apa-apa bahan pencemar memasuki mana-mana sumber air;

daripada sebarang aktiviti berjadual melainkan suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini telah dikeluarkan oleh Lembaga.

(2) Tiap-tiap orang dikehendaki untuk mengelakkan, memulihkan atau mengurangkan apa-apa kesan buruk pada sumber air dan persekitarannya, yang timbul atau berkemungkinan timbul daripada apa-apa aktiviti berjadual yang dijalankan oleh atau bagi pihak orang itu, sama ada aktiviti itu dibenarkan atau tidak melalui lesen yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Jika apa-apa pencemaran sumber air yang tidak wajar berlaku, pemegang lesen atau orang atau pemunya yang bertanggungjawab bagi aktiviti itu hendaklah memaklumkan kepada Pengarah dengan segera dan dengan sendiri mengambil semua langkah yang munasabah yang perlu untuk memulihkan dan mengurangkan kesan yang buruk itu ke atas sumber air itu.

### BAHAGIAN III

#### SYARAT KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN PENCEMAR KE DALAM MANA-MANA SUMBER AIR

#### **Had piawai bagi parameter bahan pencemar yang dimasukkan atau dilepaskan ke dalam mana-mana sumber air**

4. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, had piawai bagi parameter bahan pencemar daripada mana-mana aktiviti berjadual yang dimasukkan atau dilepaskan ke dalam mana-mana sumber air hendaklah dianalisis mengikut kaedah '*Standard Methods for the Examination of Water and Wastewater*', yang diterbitkan bersama oleh '*the American Public Health Association*', '*American Water Works Association*' dan '*Water Environment Federation of the United States*' edisi ke dua puluh satu (21), tahun 2008, atau apa-apa jua cara analisis lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Tiada seorang pun dibenarkan untuk memasukkan atau melepaskan bahan pencemar, yang telah dianalisis mengikut keperluan subperaturan (1) ke dalam mana-mana sumber air, sekiranya ia mengandungi bahan yang mempunyai kepekatan yang melebihi had piawai dibenarkan menurut had parameter Piawai Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar, seperti yang dinyatakan dalam Ruang (3) Jadual Kedua.

(3) Pengarah boleh melalui notis secara bertulis menentukan syarat kemasukan atau pelepasan yang difikirkan perlu termasuk had parameter bagi bahan pencemar, terhadap mana-mana atau semua parameter yang dinyatakan dalam Ruang (2) Jadual Kedua atau mana-mana parameter lain yang tidak disenaraikan di dalam Peraturan-Peraturan ini.

(4) Walau apa pun bagi maksud pelaksanaan Peraturan-Peraturan ini, ahli kimia Kerajaan adalah penasihat bagi pengeluaran sebarang dokumen yang menjadi laporan terhadap mana-mana orang, benda atau barang yang diperiksa

atau dianalisis yang menjadi had piawai parameter yang dianalisis terhadap sebarang perkara atau benda yang dikemukakan padanya untuk laporan atau benda yang dianalisis bolehlah diguna sebagai keterangan dalam sebarang prosiding perundangan, penyiasatan atau prosiding lain di bawah Peraturan-Peraturan ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

### **Caj**

5. (1) Seseorang yang melepaskan, memasukkan, menyebabkan atau membenarkan sebarang pelepasan atau kemasukan bahan pencemar daripada mana-mana aktiviti berjadual yang melebihi had piawai yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di bawah subperaturan 4(2) hendaklah membayar caj mengikut kaedah yang ditetapkan di dalam Jadual Ketiga.

(2) Jika atas sesuatu pemeriksaan, adalah dipastikan bahawa bahan pencemar atau kelas bahan pencemar yang dilepas atau dimasukkan adalah berlainan daripada, atau kuantiti bahan buangan yang dilepas atau dimasukkan adalah lebih besar daripada yang dinyatakan oleh pemegang lesen dalam permohonannya untuk pembaharuan lesen, Pengarah boleh menuntut apa-apa bayaran yang mungkin telah kena dibayar berkenaan dengan bahan pencemar, kelas bahan pencemar atau kuantiti pelepasan atau kemasukan yang berlebihan itu.

(3) Pada mengira bayaran yang kena dibayar di bawah subperaturan (2), pemegang lesen itu hendaklah disifatkan sebagai telah melepas atau memasukkan bahan pencemar atau kelas bahan pencemar atau kuantiti bahan buangan itu selama tempoh enam bulan sebelum pemeriksaan itu atau, jika permohonan untuk lesen atau pembaharuan lesen telah dibuat kurang daripada enam bulan sebelum pemeriksaan itu, selama tempoh yang bermula daripada permohonan hingga ke pemeriksaan itu.

## **BAHAGIAN IV**

### **PELESENAN KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN PENCEMAR**

#### **Lesen untuk memasukkan atau melepaskan bahan pencemar**

6. (1) Tiada seseorang pun boleh memasukkan atau melepaskan apa-apa bahan pencemar daripada mana-mana aktiviti berjadual ke dalam mana-mana sumber air atau ke dalam tanah melainkan jika kemasukan atau pelepasan itu dibenarkan melalui lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah.

(2) Apabila meluluskan suatu lesen kemasukan atau pelepasan bahan pencemar daripada mana-mana aktiviti berjadual, Pengarah hendaklah—

- (a) memastikan bahawa kemasukan atau pelepasan yang dibenarkan tidak akan menimbulkan apa-apa ancaman kepada atau kesan ke atas kualiti, kuantiti, aliran air atau persekitaran air melampaui apa yang, pada pendapat Pengarah, adalah munasabah untuk mencapai maksud kemasukan atau pelepasan bahan pencemar;

- (b) mengambil kira nilai had pelepasan yang berkaitan dan kriteria kualiti air melalui peruntukan Enakmen atau perundangan lain yang terpakai; dan
- (c) mengambil kira kesan kumulatif akan semua kemasukan atau pelepasan ke dalam mana-mana sumber air penerima.

(3) Tiap-tiap pihak berkuasa yang mengeluarkan suatu lesen berhubung dengan, atau selainnya membenarkan apa-apa kemasukan atau pelepasan bahan pencemar dari mana-mana aktiviti berjadual ke dalam mana-mana sumber air hendaklah memastikan dan mengambil kira perkara yang dinyatakan dalam subperenggan 2(a), (b) dan (c).

### Syarat kelulusan

7. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma dan syarat lesen yang termasuklah tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga sebarang maklumat, data, pelan dan peta yang dihasilkan oleh pemegang lesen dalam tempoh lesen sedang berkuat kuasa dan laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Lembaga seperti mana yang diarahkan;
- (b) pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga secara bertulis dalam tempoh dua puluh empat jam sebarang kejadian atau kemalangan yang mungkin akan mengakibatkan kesan buruk terhadap mana-mana sumber air dan persekitarannya;
- (c) pemegang lesen hendaklah tertakluk kepada semua arahan, perintah, terma dan syarat dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa atau pada ketika perintah kemarau serta bagi tujuan perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air;
- (d) larangan mengubah atau mengganggu, atau menyebabkan atau membenarkan diubah atau diganggu kawasan tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air atau sumber air itu kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (e) larangan mendirikan atau membina mana-mana bangunan atau struktur di sepanjang mana-mana tebing sungai atau kawasan dalam lima puluh meter dari tebing itu kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (f) sebarang niat untuk meninggalkan atau menamatkan sebarang aktiviti kemasukan atau pelepasan bahan pencemar hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga bagi mengelakkan berlakunya sebarang pencemaran dan kerosakan terhadap sumber air.

(2) Pengarah atau pegawai yang diberikan kuasa hendaklah mempunyai akses ke dalam mana-mana premis dan tempat untuk memeriksa atau mengenal pasti punca kemasukan atau pelepasan bahan pencemar sebelum lesen dikeluarkan.



(3) Pemegang lesen hendaklah mengadakan satu perancangan pemantauan dengan kos perbelanjaannya sendiri atau menanggung perbelanjaannya dengan menyerahkannya kepada Lembaga setiap tiga (3) bulan sekali yang hendaklah juga termasuk satu laporan ringkas yang mengandungi keputusan analisis parameter bahan pencemar yang mengandungi maklumat kaedah, tarikh, masa dan lokasi pensampelan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Analisis parameter bahan pencemar itu hendaklah dibuat oleh makmal yang diakreditasi dan kosnya adalah ditanggung oleh pemegang lesen.

### **Pengecualian daripada pelesenan**

8. Keperluan bagi pelesenan di bawah peraturan 6 tidak terpakai jika bahan pencemar itu dimasukkan atau dilepaskan dalam keadaan berikut:

- (a) pelepasan bahan pencemar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*]; atau
- (b) pelepasan kumbahan yang tertakluk di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*].

### **Langkah pengurangan jika berlaku pencemaran akut**

9. (1) Sekiranya berlaku kemalangan atau keadaan yang seumpamanya yang menyebabkan pencemaran tidak wajar terhadap mana-mana sumber air atau menimbulkan risiko pencemaran, mana-mana orang yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah dengan segera mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk meminimumkan kesan atau risiko kepada sumber air dan persekitarannya dan hendaklah memaklumkan secara bertulis dalam tempoh dua puluh empat jam kepada Pengarah.

(2) Pengarah boleh mengeluarkan arahan sebagaimana difikirkan perlu kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa untuk menangani apa-apa ancaman kepada kesihatan dan keselamatan awam atau kepada sumber air dan persekitarannya dalam keadaan yang diperihalkan dalam subperaturan (1) dan orang yang bertanggungjawab di bawah subperaturan (1) hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan yang terlibat.

### **Pelepasan sisa unggas**

10. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2008 [*Sel. En. No.3/ 2008*], tiada seorang pun yang telah dilesenkan untuk mengusahakan atau menjalankan perladangan unggas dibenarkan melepaskan sisa unggas yang tidak dirawat atau kumbahan sisa unggas yang dirawat ke dalam mana-mana sumber air kecuali piawaian seperti mana yang ditetapkan dalam perenggan (iv) Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ini dipatuhi.

**Pencairan bahan pencemar**

11. Tiada seseorang pun boleh mencairkan, menyebabkan atau membenarkan dicairkan, mana-mana bahan pencemar daripada mana-mana aktiviti berjadual, sama ada mentah atau dipulihkan, pada bila-bila masa atau pada mana-mana takat selepas ianya dikeluarkan di mana-mana premis melainkan suatu kebenaran bertulis terlebih dahulu telah didapati dari Pengarah untuk pencairan itu dan pencairan itu adalah dibuat mengikut had piawai parameter dan syarat kelulusan itu.

**Tumpahan, kemasukan atau pelepasan secara tidak sengaja**

12. (1) Jika terjadi apa-apa tumpahan, kemasukan atau pelepasan secara tidak sengaja, bahan pencemar yang dinyatakan dalam Peraturan ini sama ada masuk secara langsung atau tidak langsung ke mana-mana sumber air, orang yang bertanggungjawab di atas kejadian itu hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam memberitahu Pengarah secara bertulis.

(2) Orang yang bertanggungjawab yang disebutkan dalam subperaturan (1) adalah dikehendaki mengambil kembali bahan pencemar yang terlibat itu atau membersihkan, mengawal atau mengurangkan kesannya sehingga ke tahap yang memuaskan hati Pengarah.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Pengarah boleh melalui notis bertulis, mengarahkan mana-mana orang untuk mengambil semua tindakan yang munasabah untuk mengambil kembali bahan pencemar yang terlibat itu atau membersihkan, mengawal atau mengurangkan kesannya dari sumber air dan orang yang bertanggungjawab di bawah subperaturan (1) hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan yang terlibat.

**Peruntukan untuk pemeriksaan**

13. Seseorang yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan ini yang menyebabkan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar ke dalam mana-mana sumber air hendaklah, berkenaan dengan kemasukan atau pelepasan tersebut, melengkapkan tempat atau titik pensampelan, ruang pemeriksaan, penyukat kadar alir, dan alat-alat merekodkan serta radas lain sebagaimana yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Pengarah.

**Pemunya premis atau tanah hendaklah memberi bantuan semasa pemeriksaan**

14. Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana premis atau tanah hendaklah memberi kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, segala bantuan atau kemudahan yang munasabah yang terdapat di premis atau tanah itu termasuklah tenaga buruh, peralatan, perkakasan dan alat yang mungkin dikehendakinya bagi maksud mengambil apa-apa tindakan yang ia diberi kuasa oleh seksyen 99 Enakmen, berkenaan dengan premis atau tanah itu.

BAHAGIAN V  
PENGUATKUASAAN

**Penyitaan**

15. (1) Pegawai yang diberi kuasa boleh menyita, tanpa waran, apa-apa bahan, material atau benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, perlakuan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pegawai yang diberi kuasa yang menyita apa-apa bahan, material atau benda di mana-mana premis di bawah subperaturan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai bahan, material atau benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada orang yang mempunyai kawalan terhadap barangan itu.

(3) Mana-mana bahan, material atau benda yang disita di bawah Peraturan ini hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa bahan, material atau benda yang disita di bawah Peraturan ini, Pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara mengelak bahan, material atau benda dalam premis itu atau apa-apa cara yang sesuai untuk penyitaan.

(5) Seseorang atau pemunya yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subperaturan (4) atau memindahkan apa-apa bahan, material atau benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

**Pelucuthakkan**

16. Semua bahan, material atau benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dilucuthakkan.

**Pelucuthakkan jika ada pendakwaan**

17. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa bahan, material atau benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana bahan atau benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan

- (b) mana-mana bahan, material atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan bahan, material atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua bahan, material atau benda yang dilucuthakkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

### **Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan**

18. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa bahan, material atau benda yang telah disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka bahan, material atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu.

(2) Seseorang yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik apa-apa bahan, material atau benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini dan bahawa bahan, material atau benda itu tidak boleh dilucuthakkan, boleh memberikan notis bertulis kepada Pengarah bahawa pemilik menuntut bahan, material atau benda yang disita itu.

(3) Apabila notis diterima di bawah subperaturan (2), Pengarah setelah berpuas hati, boleh mengarahkan supaya bahan, material atau benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

- (a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemilik bahan, material atau benda yang disita; dan  
(b) orang yang daripadanya bahan, material atau benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subperaturan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperaturan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subperaturan (5) berkenaan dengan sesuatu bahan, material atau benda itu, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan  
(b) bahan, material atau benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan bahan, material atau benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya bahan, material atau benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada bahan, material atau benda itu.

### **Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

19. Tiada orang boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa bahan, material atau benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Kuasa mengalih dan melupus**

20. (1) Pengarah atau mana-mana Pegawai yang diberi kuasa boleh mengeluarkan notis bertulis mengarahkan mana-mana pemegang lesen atau pemunya yang menjalankan aktiviti yang mencemarkan mana-mana sumber air untuk mengalihkan atau mengambil semula bahan, material atau benda yang mencemarkan tersebut.

(2) Apabila terdapat kegagalan, keengganan atau pengabaian oleh orang yang telah diberikan notis bertulis di bawah subperaturan (1), Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil bahan, material atau benda yang ditinggalkan atau dibuang, dan mendapatkan semula kos atau perbelanjaan yang ditanggung daripada orang tersebut.

(3) Apa-apa bahan, material atau benda yang mencemarkan sumber air yang diambil oleh Pengarah atau Pegawai yang diberi kuasa di bawah subperaturan (2), akan menjadi milik Lembaga, dan berhak untuk melupuskannya atau melaksanakan apa-apa tindakan yang difikirkan wajar oleh Pengarah.

## **BAHAGIAN VI**

### **PENDAKWAAN**

#### **Pendakwaan**

21. Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

#### **Penalti am**

22. (1) Seseorang yang secara langsung atau tidak langsung mencemarkan atau menyebabkan atau membenarkan dicemarkan mana-mana sumber air atau

mana-mana bahagian sumber air itu dengan apa-apa bahan pencemar daripada mana-mana aktiviti berjadual sehingga menyebabkan pencemaran adalah telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang yang—

- (a) melakukan sesuatu yang dilarang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) tidak melakukan sesuatu yang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini dikehendaki atau diarah melakukan; atau
- (c) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini;

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Pengkompaunan kesalahan**

23. Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

## BAHAGIAN VII

### AM

### **Keterangan**

24. (1) Kandungan bagi sebarang dokumen yang disediakan, dikeluarkan atau diserahkan di bawah, menurut atau bagi maksud Peraturan-Peraturan ini hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya dan pengemukaan apa-apa buku atau dokumen, yang bertujuan untuk menunjukkan lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini, adalah menjadi bukti *prima facie* mengenai pengeluaran, ketiadaan pengeluaran atau tarikh luputnya lesen-lesen itu.

(2) Walau apa pun undang-undang lain yang berlawanan, dalam sesuatu prosiding di bawah Enakmen atau Peraturan-Peraturan ini, sesuatu perakuan bagi maksud menentukan penghuni bagi mana-mana premis yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah adalah menjadi keterangan mengenai sebarang fakta yang dinyatakan di dalamnya, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Jika di dalam sesuatu prosiding untuk kesalahan di bawah Enakmen atau Peraturan-Peraturan ini adalah perlu dibuktikan bahawa seseorang adalah dlesen atau tidak pada tarikh tertentu atau selama tempoh tertentu, atau bahawa sesuatu lesen adalah tertakluk kepada sesuatu syarat, had atau sekatan yang ditentukan, atau bahawa sesuatu lesen telah digantung dalam masa sesuatu tempoh tertentu, maka suatu perakuan bertulis yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pengarah menyatakan bahawa orang itu adalah

dilesen atau tidak pada tarikh itu atau menyatakan sesuatu syarat, had atau sekatan yang kepadanya sesuatu lesen yang dikeluarkan kepada orang itu adalah tertakluk atau selama atau dalam masa tempoh itu atau bahawa lesen orang itu telah digantung dalam masa tempoh itu, adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan di dalamnya dan Pengarah tidak boleh diperiksabalas mengenai kandungan perakuan itu melainkan jika suatu notis telah disampaikan kepadanya sepuluh hari terlebih dahulu menyatakan cadangan hendak berbuat demikian dan selanjutnya menyatakan butir-butir yang dicadang hendak dicabar itu.

### **Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain**

25. Pengeluaran mana-mana lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan itu.

### **Peruntukan Peralihan**

26. Apa-apa notis, perintah atau dokumen yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

#### JADUAL PERTAMA [Peraturan 2]

##### SENARAI AKTIVITI

(1) <i>Aktiviti</i>	(2) <i>Had Keluasan/Bilangan/Jenis</i>
(i) Akuakultur Air Tawar dalam kolam atau sangkar	Keluasan ternakan yang sedang beroperasi lima puluh (50) hektar atau lebih
(ii) Akuakultur Udang Laut dalam kolam	Keluasan ternakan yang sedang beroperasi sepuluh (10) hektar atau lebih
(iii) Pembangunan atau Kerja Tanah	Kurang daripada lima puluh (50) hektar .
(iv) Penternakan Selain Babi	(a) Ternakan ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta, burung emu, dan lain-lain yang melibatkan dua puluh ribu (20,000) ekor atau lebih ternakan; atau  (b) Ternakan lembu, kambing, bebiri, kerbau, rusa dan lain-lain yang melibatkan dua ratus lima puluh (250) ekor atau lebih ternakan.

(1) <i>Aktiviti</i>	(2) <i>Had Keluasan/Bilangan/Jenis</i>
(v) Penternakan Babi	Semua ladang tanpa mengira bilangan
(vi) Haiwan Kesayangan	Aktiviti yang melibatkan anjing atau kucing, dua puluh (20) ekor atau lebih; atau
(vii) Aktiviti Berkaitan Perlombongan	(a) Sebarang jenis pencucian pasir, tanah dan lain-lain tanpa mengira kuantitinya; atau  (b) Perlombongan atau kuari yang melibatkan kawasan yang kurang daripada dua ratus lima puluh (250) hektar.

## JADUAL KEDUA

[Peraturan 2, subperaturan 4(2), 4(3) dan peraturan 10]

## SENARAI PARAMETER DAN HAD PIAWAI PELEPASAN ATAU KEMASUKAN UNTUK SETIAP AKTIVITI

(1) <i>Aktiviti</i>	(2) <i>Parameter</i>	(3) <i>Had Piawai Pelepasan atau Kemasukan</i>
(i) Akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar	Amoniakal Nitrogen (NH <sub>3</sub> -N)	5 mg/l
	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) pada 20°C	50 mg/l
	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	100 mg/l
	Jumlah Nitrogen (TN)	10 mg/l
	Jumlah Fosforus (TP)	1 mg/l
(ii) Akuakultur udang laut dalam kolam	Amoniakal Nitrogen (NH <sub>3</sub> -N)	5 mg/l
	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) pada 20°C	50 mg/l
	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	100 mg/l
	Jumlah Nitrogen (TN)	10 mg/l
(iii) Pembangunan atau kerja tanah	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	100 mg/l
	Minyak dan gris	10 mg/l
	Jumlah Fosforus (TP)	1 mg/l
(iv) Penternakan selain babi	Amoniakal Nitrogen (NH <sub>3</sub> -N)	200 mg/l
	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) pada 20°C	200 mg/l
	Keperluan Oksigen Kimia (COD)	500 mg/l
	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	500 mg/l



(1) <i>Aktiviti</i>	(2) <i>Parameter</i>	(3) <i>Had Piawai Pelepasan atau Kemasukan</i>
(v) Penternakan babi	Amoniakal Nitrogen (NH <sub>3</sub> -N)	200 mg/l
	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) pada 20°C	50 mg/l
	Keperluan Oksigen Kimia (COD)	500 mg/l
	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	100 mg/l
(vi) Haiwan kesayangan	Amoniakal Nitrogen (NH <sub>3</sub> -N)	300 mg/l
	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) pada 20°C	50 mg/l
	Keperluan Oksigen Kimia (COD)	500 mg/l
	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	250 mg/l
(vii) Aktiviti berkaitan perlombongan	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	50 mg/l
	Minyak dan gris	1 mg/l

JADUAL KETIGA  
[Subperaturan 5(1)]

KAEDAH PENGIRAAN CAJ BAGI BEBAN BAHAN PENCEMAR  
YANG DILEPASKAN ATAU DIMASUKKAN

1. Mana-mana pelepasan atau kemasukan bahan pencemar pada sesuatu masa hendaklah dikirakan sebagai pelepasan atau kemasukan bagi satu hari yang genap.
2. Caj di dalam ruang (2) susunan di bawah ini hendaklah dikira bagi setiap kilogram (kg) bahan pencemar yang dilepaskan atau dimasukkan melebihi had piawai yang ditetapkan di dalam ruang (3) Jadual Kedua.
3. Caj bagi setiap kilogram (kg) bahan pencemar yang dilepaskan atau dimasukkan adalah seperti berikut:

*SUSUNAN*

(1) <i>Parameter</i>	(2) <i>Caj bagi setiap kg bahan pencemar yang dilepaskan atau dimasukkan (RM)</i>
(i) Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) pada 20°C	0.06
(ii) Keperluan Oksigen Kimia (COD)	0.08

---

(1)	(2)
<i>Parameter</i>	<i>Caj bagi setiap kg bahan pencemar yang dilepaskan atau dimasukkan (RM)</i>
